

KEMENTERIAN PELANCONGAN MALAYSIA
PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI
PELANCONGAN (PERLESENAN DAN PENGAWALAN
PEMANDU PELANCONG) 1992*

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Industri Pelancongan 1992, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. Nama.

Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perlesenan dan Pengawalan Pemandu Pelancong) 1992.**

2. Tafsiran.

Apa-apa perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Peraturan-Peraturan ini hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya oleh Akta.

3. Permohonan untuk lesen.

(1) Setiap permohonan untuk lesen di bawah subseksyen 23 (1) Akta hendaklah dibuat dalam Borang 1 Jadual Pertama.

(2) Permohonan itu hendaklah dikemukakan kepada Pesuruhjaya berserta dengan apa-apa dokumen dan maklumat sebagaimana yang dinyatakan dalam borang itu dan suatu fee pemerosesan sebanyak sepuluh ringgit.

4. Penentuan mengenai kesesuaian pemohon.

Pesuruhjaya boleh, apabila menentukan kesesuaian pemohon untuk lesen, mengambil kira perkara-perkara yang berikut:

- (a) Pemohon telah mencapai umur lapan belas tahun pada masa membuat permohonan itu;
- (b) Pemohon sihat secara fizikal dan mental dan bebas daripada apa-apa penyakit berjangkit;
- (c) Pemohon tidak mempunyai rekod jenayah;
- (d) Kebolehan dan kekompetenan pemohon untuk bertindak sebagai pemandu pelancong; dan
- (e) Apa-apa perkara lain sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pesuruhjaya untuk diambil kira dalam menentukan kesesuaian pemohon.

5. Kelulusan permohonan.

- (1) Jika Pesuruhjaya berpuas hati tentang kesesuaian pemohon, dia hendaklah meluluskan permohonan itu dan menghendaki pemohon untuk mengemukakan fee lesen yang kena dibayar.
- (2) Fee lesen yang kena dibayar adalah sebanyak lima puluh ringgit.

6. Pengeluaran lesen dan kad pemberian kuasa.

- (1) Apabila fee lesen dibayar, Pesuruhjaya hendaklah mengeluarkan kepada pemohon yang diluluskan itu suatu lesen dalam Borang 2 Jadual Pertama dan suatu kad pemberian kuasa dalam Borang 3 Jadual Pertama.

(2) Kedua-dua lesen kad pemberian kuasa yang dikeluarkan di bawah subperaturan (1) hendaklah tetap menjadi harta Pesuruhjaya dan setiap pemandu pelancong berlesen hendaklah, apabila habis tempoh lesen, mengembalikan kad pemberian kuasanya kepada Pesuruhjaya dalam masa empat belas hari dari tarikh habisnya tempoh lesen itu.

7. Kod dan kehendak bahasa.

(1) Kad pemberian kuasa yang dikeluarkan di bawah peraturan 6 hendaklah mengandungi kod atau kod-kod kuasa bahasa, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual Kedua, yang menunjukkan bahasa atau bahasa-bahasa kecekapan pemandu pelancong berlesen itu.

(2) Seorang pemandu pelancong berlesen tidak boleh menjalankan apa-apa pelancongan atau bertindak sebagai seorang pemandu pelancong kepada seseorang pelancong atau mana-mana orang lain dalam apa-apa bahasa selain daripada bahasa atau bahasa-bahasa yang ditunjukkan oleh kod atau kod-kod bahasa dalam pemberian kuasanya.

(3) Seorang pemandu pelancong berlesen hendaklah bertindak hanya sebagai seorang pemandu pelancong kepada seseorang pelancong atau mana-mana orang lain dalam bahasa yang difahami atau digunakan oleh pelancong atau orang lain itu.

8. Pembaharuan lesen.

(1) Permohonan untuk memperbaharui lesen hendaklah dibuat dalam Borang 4 Jadual Pertama dan hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen dan maklumat yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya berserta dengan fee pemerosesan sebanyak lima ringgit.

(2) Apabila permohonan diluluskan, pemohon hendaklah membayar fee lesen sebanyak lima puluh ringgit.

9. Kehilangan atau kemusnahan, dsd., lesen atau kad pemberian kuasa.

(1) Jika suatu lesen atau kad pemberian kuasa hilang atau musnah, pemandu pelancong berlesen hendaklah dengan serta-merta mengemukakan suatu surat kepada Pesuruhjaya yang memberitahunya tentang kehilangan atau kemusnahan itu dan dengan mengandungi suatu permohonan untuk mendapatkan lesen atau kad pemberian kuasa gantian.

(2) Setiap surat hendaklah disertakan dengan –

(a) Suatu laporan polis dan suatu akuan sumpah yang dibuat di hadapan seorang Majistret atau Pesuruhjaya Sumpah berkenaan dengan kehilangan atau kemusnahan itu;

(b) Tiga keping gambar warna berukuran pasport pemandu pelancong berlesen itu; dan

(c) Fee kena dibayar yang bersesuaian sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual Ketiga.

(3) Jika Pesuruhjaya berpuas hati bahawa kehilangan atau kemusnahan itu tidak disengajakan, dia hendaklah mengeluarkan suatu lesen atau kad pemberian kuasa gantian.

(4) Jika lesen atau kad pemberian kuasa yang hilang itu dijumpai selepas suatu lesen atau kad pemberian kuasa gantian telah dikeluarkan kepada pemandu pelancong berlesen itu, dia hendaklah dengan segera memberitahu Pesuruhjaya secara bertulis mengenai fakta itu dan melampirkan lesen atau Kad pemberian kuasa yang dijumpai itu di dalamnya.

(5) Jika lesen atau kad pemberian kuasa seseorang pemandu pelancong berlesen telah dicatatkan atau butir-butirnya telah menjadi tidak boleh dibaca, dia hendaklah dengan segera memberitahu Pesuruhjaya dan menghantar lesen atau kad pemberian kuasa tersebut kepada Pesuruhjaya, dan Pesuruhjaya hendaklah, jika berpuas hati bahawa lesen atau kad pemberian kuasa itu telah menjadi tidak boleh dibaca atau telah dicatatkan sedemikian, apabila fee bersesuaian sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual Ketiga dibayar, mengeluarkan suatu lesen atau kad pemberian kuasa gantian:

Dengan syarat bahawa jika Pesuruhjaya berpuas hati bahawa butir-butir itu telah menjadi tidak boleh dibaca bukan disebabkan oleh perbuatan atau keabaiannya di pihak pemandu pelancong berlesen itu, dia hendaklah mengeluarkan suatu lesen atau kad pemberian kuasa gantian secara percuma.

(6) Tiada seorang pun, selain daripada Pesuruhjaya atau seorang pegawai yang diberikuasa oleh Pesuruhjaya bagi maksud itu, yang bertindak pada menjalankan tugasnya, boleh membuat apa-apa tanda, pengendorsan atau catatan pada, atau memadamkan, mengkenselkan atau mengubah apa-apa tanda, pengendorsan atau catatan yang terkandung dalam, sesuatu lesen atau kad pemberian kuasa.

10. Kehendak bentuk pakaian standard.

Tiap-tiap pemandu pelancong berlesen hendaklah, semasa menjalankan tugasnya, berpakaian mengikut bentuk pakaian yang standard sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual Keempat.

11. Tata etika dan kawalan tatatertib.

(1) Tiap-tiap pemandu pelancong berlesen hendaklah mematuhi tata etika yang diperuntukkan dalam Jadual Kelima.

(2) Pesuruhjaya hendaklah menjalankan kawalan tatatertib ke atas semua pemandu pelancong berlesen.

12. Saran dan desakan.

(1) Seseorang pemandu pelancong berlesen tidak boleh menerima atau meminta apa-apa saran, bayaran atau komisen untuk atau daripada mana-mana orang bagi maksud membawa mana-mana pelancong atau mana-mana orang lain untuk membeli-belah di mana-mana establismen orang itu atau mana-mana orang lain.

(2) Tiada seorang pun atau golongan orang boleh memberi apa-apa saraan, bayaran atau komisen kepada mana-mana pemandu pelancong berlesen sebagai dorongan bagi pemandu pelancong itu membawa mana-mana pelancong atau mana-mana orang lain ke mana-mana establismen bagi maksud membeli-belah.

(3) Jika, dalam mana-mana prosiding bagi sesuatu kesalahan terhadap mana-mana orang di bawah sunperaturan (1) atau (2), dibuktikan bahawa-

- (a) Apa-apa saran, bayaran atau komisen telah dibayar atau diberi kepada, atau diterima oleh, pemandu pelancong berlesen itu; atau
- (b) Mana-mana orang atau golongan telah membayar atau memberi apa-apa saran, bayaran atau komisen kepada mana-mana pemandu pelancong berlesen,

maka saran, bayaran atau komisen iti hendaklah disifatkan telah dibayar atau diberi kepada, atau diterima komisen itu hendaklah disifatkan telah dibayar atau diberi kepada, atau diterima oleh, pemandu pelancong berlesen itu bagi maksud membawa seorang pelancong atau mana-mana orang lain ke mana-mana establismen untuk membeli-belah melainkan jika dibuktikan selainnya.

13. Kuasa pemeriksaan.

Pesuruhjaya hendaklah mempunyai kuasa untuk menghendaki seseorang pemandu pelancong berlesen untuk mengemukakan lesen dan kad pemberian kuasanya untuk diperiksa.

JADUAL KELIMA

(Peraturan 11)

TATA ETIKA BAGI PEMANDU PELANCONG BERLESEN

1. Seorang pemandu pelancong berlesen hendaklah sentiasa kemas, bersopan santun, jujur, amanah dan berdedikasi.
2. Seorang pemandu pelancong berlesen tidak boleh menggunakan bahasa yang kesat atau melibatkan diri dalam apa-apa pergaduhan atau perbalahan dengan pelancong atau mana-mana orang yang berada di dalam jagaannya atau dengan mana-mana orang lain pada bila-bila masa semasa menjalankan tugasnya.
3. Seorang pemandu pelancong berlesen tidak boleh memburuk-burukkan atau mengkritik rakan sekerjanya, mana-mana establimen atau organisasi kerajaan atau dasar dan kempen kerajaan atau mana-mana orang lain semasa menjalankan tugasnya.
4. Seorang pemandu pelancong berlesen tidak boleh melibatkan diri dalam apa-apa kelakuan atau tindakan yang memudaratkan imej profesional industri pelancongan di Malaysia atau imej dan nama baik negara.
5. Seorang pemandu pelancong berlesen hendaklah sentiasa menjaga reputasi dan imej profesionalnya sebagai seorang pemandu pelancong berlesen.
6. Seorang pemandu pelancong berlesen hendaklah mempunyai nilai perhubunganawam yang baik, dan hendaklah mengekalkan perhubungan dan kerjasama persahabatan dengan pemandu pelancong lain, sama ada tempatan atau asing.
7. Seorang pemandu pelancong berlesen hendaklah sentiasa cuba memahami tingkahlaku dan keperluan pelancong atau mana-mana orang yang berada di dalam jagaannya.

8. Seorang pemandu pelancong berlesen hendaklah menjalankan tugasnya dengan berhati-hati untuk memastikan bahawa pelancong atau mana-mana orang yang berada di dalam jagaaanya tidak akan menghadapi apa-apa bahaya yang tidak dijangkakan atau risiko yang tidak perlu kerana perbuatan atau peninggalannya.

9. Seorang pemandu pelancong berlesen tidak boleh meninggalkan pelancong atau mana-mana orang yang berada di dalam jagaannya pada bila-bila masa semasa menjalankan tugasnya.

10. Seorang pemandu pelancong berlesen hendaklah sentiasa mengemaskinikan maklumat dan bahan-bahannya mengenai sejarah dan kebudayaan negara dan dasar-dasar kerajaan bagi membantunya menjalankan tugasnya dengan lebih baik dan berkesan.

Diperbuat pada 19hb September 1992.